

20/9/2016

SIARAN MEDIA:

*oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Kebocoran saluran paip 900 mm di Pantai Jerejak diperbaiki

PULAI PINANG, Selasa (20/9/2016): Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) terpaksa menutup saluran paip air utama 900mm untuk melaksanakan kerja-kerja pembaikan kecemasan.

Saluran paip ini adalah salah satu daripada tiga saluran paip yang menyalurkan air dari Bukit Dumbar ke kawasan selatan Pulau Pinang. Oleh itu, penutupan itu menjasarkan bekalan kepada kawasan-kawasan berkenaan.

Kira-kira jam 9:00 pagi semalam, PBAPP mengesan kebocoran pada paip utama itu di lokasi yang agak sukar. Ia adalah di lintasan sungai di Medan Pantai Jerjak, berhampiran Sungai Dua Besar.

Selepas mengasingkan saluran paip, kakitangan dan kontraktor PBAPP terpaksa segera membina *coffer dam* untuk mengasingkan tapak pembaikan. Kami telah bersedia untuk melakukan pembaikan jam 9.45 malam tadi, tetapi disebabkan cuaca tidak mengizinkan, paras air sungai yang tinggi dan air pasang, kerja-kerja pembaikan tertangguh 10 jam.

Mengeringkan tapak kerja untuk mendapatkan akses tempat yang mengalami kebocoran pada saluran paip itu adalah cabaran sepanjang malam yang terpaksa dihadapi.

Apabila tapak itu akhirnya dikeringkan pada pukul 7.45 pagi hari ini, krew kerja kecemasan yang dalam keadaan *standby* sepanjang malam memulakan kerja-kerja kimpalan untuk menampal semula kebocoran pada saluran paip.

Kerja-kerja di tapak adalah di peringkat akhir pada ketika ini. Bekalan air ke



Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

semua kawasan akan disambung semula pada jam 2.00 petang hari ini.

Harap maklum bahawa ini adalah gangguan bekalan air tidak berjadual yang disebabkan oleh kejadian di tempat yang agak sukar. Walau bagaimanapun, PBAPP telah mengambil tindakan pembaikan secepat mungkin, walaupun hujan di lokasi.

Ketika tempoh penutupan, PBAPP mengoptimumkan pengepaman air dari Bukit Dumbar melalui dua saluran paip utama yang lain ke semua kawasan selatan pulau, termasuk Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas dan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang.

Kami juga menghantar lori tangki untuk menghantar air kepada penduduk yang tinggal di kawasan tinggi.

Kami kesal terhadap sebarang kesulitan yang disebabkan oleh kejadian yang tidak diingini ini.

Terima kasih.

*Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)*

Hubungi : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Corporate Communications Unit
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@eba.com.my